

Galak belia usaha tanah terbiar

Bantu beri pulangan lumayan, pelbagai bantuan kewangan turut disediakan

BANTING - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat menggalakkan belia mengusahakan tanah terbiar yang boleh memberi pulangan pendapatan lumayan.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berkata, beliau menyokong langkah pelbagai pihak mengusahakan tanah terbiar selain membentuk satu kumpulan usahawan pertanian yang aktif.

Menurutnya, daripada melihat tanah tidak diusahakan adalah lebih baik ia dijadikan fokus pertanian.

"PPK boleh memberikan perkhidmatan teknikal atau perkhidmatan barangan selain bantuan kewangan boleh diperoleh daripada Agro Bank atau Tekun.

"Ini peluang yang membantu ke arah belia berdaya saing dengan memberi tumpuan kepada tanah terbiar," katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri PPK Kuala Langat, kelmarin.

“ PPK boleh memberikan perkhidmatan teknikal atau perkhidmatan barangan selain bantuan kewangan boleh diperoleh daripada Agro Bank atau Tekun.”

- Abdul Razak

Bagi Pengurus Besar PPK Kuala Langat, Mohd Shakran Shamsudin berkata, pihaknya dalam usaha menjadikan tanah pertanian yang memfokuskan tanaman sayur sebagai aktiviti pelaburan.

Beliau berkata, pihaknya tidak mahu melihat pelaburan tanah terlepas kepada projek yang tidak memberi faedah kepada masyarakat.

"Jadi bila ada usaha pelaburan tanah di beberapa kawasan bagi tujuan pertanian kita memang galakkan.

"Selain itu, kita tidak mahu pen-



Mohd Shakran (berdiri, empat kiri) bersama sebahagian AJP PPK Kuala Langat menunjukkan isyarat bagus selepas beramah mesra bersama tetamu yang hadir.

tidak duduk menjual tanah tanpa melihat kesan di kemudian hari," katanya.

Mohd Shakran turut berhasrat

menambah bilangan pelaburan tanah untuk membantu usahawan belia di daerah ini aktif dalam bi-

dang pertanian.

Pada program itu, lebih 500 tetamu hadir memeriahkan majlis.

Dedah pelatih PDK aktiviti tanaman cendawan

Siti Salimi (dua, kiri) dan petugasnya beramah mesra dengan pelatih PDK Telok Datok.



TELOK DATOK - Pusat Dalam Komuniti (PDK) Telok Datok bakal menjalankan satu projek tanaman cendawan di dalam kawasanya tidak lama lagi.

Pengerusinya, Siti Salimi berkata, projek itu akan di-kendalikan petugasnya dan dibantu pelatih PDK Telok Datok dalam kalangan orang kurang upaya (OKU).

Menurutnya, kertas kerja telah dipanjangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sedang menunggu proses seterusnya.

"Kita menjangkakan projek itu akan berjalan se-

lewat-lewatnya tahun hadapan dengan keluasan yang di-cadangkan 40x50 iaitu di kawasan garaj kereta.

"Saya fikir sudah tiba masanya pelatih diberi peluang merasai suasana aktiviti pertanian walaupun hanya membantu menyiram tanaman bagi mempelbagaikan aktiviti PDK," katanya kepada *Sinar Harian* sempena Sambutan Aidilfitri di PDK Telok Datok, semalam.

Siti Salimi berkata, beliau juga yakin dengan pelbagai pembaharuan yang bakal dikongsi sejak menjadi pengerusi dua tahun lalu, memberi input dalam usaha menambah dana

pelatih.

Beliau berkata, selain pelatih diajar membuat kraf tangan, petugas juga berusaha mengikuti mana-mana pameran untuk menjual hasil kerja pelatih sebagai menambah pendapatan.

"Saya nak lihat petugas dan pelatih sering bekerjasama memandangkan kemudahan di tempat baru ini dapat memberi keselesaan kepada semua," katanya.

Selain itu, PDK Telok Datok sentiasa mengharapkan kerjasama ibu bapa supaya tidak segan menghantar anak OKU ke pusat berkenaan.